

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Kesimpulan**

Ada beberapa teori mengenai kedatangan Islam ke Nusantara, khususnya daerah Indonesia iaitu teori India, Arab, Cina dan lain-lain. Dari beberapa teori tersebut masing-masing mengemukakan bukti yang didapatinya, namun teori-teori ini belum ada disepakati bersama yang mana satu teori yang paling mendekati kebenaran dan menjadi rujukan utama. Sementara itu, juga begitu mengenai mula-mula tempat di Indonesia menerima agama Islam. Oleh itu, dari kesemua teori yang disebutkan di atas, ada satu teori yang paling menonjol memberi bukti dan analisis yang lebih rasional iaitu teori arab. Sebab itulah, dapat diambil suatu kesimpulan bahawa Islam datang ke Indonesia langsung dari tanah Arab yang dibawa oleh para pedagang yang sengaja untuk menyebarkan agama Islam dan telah berproses sejak masa generasi pertama iaitu pada masa nabi Muhammad saw dan khulafaurrasyidin yang merupakan proses memperkenalkan agama Islam di Nusantara. Pada masa itu, agama Islam hanya dianut oleh perseorang belum ada terbentuk masyarakat Islam yang kuat. Mengenai tempat mula-mula Islam masuk ke Indonesia pertama sekali ialah di daerah Sumatera iaitu Perlak (Aceh bahagian timur sekarang), dari Sumatera Islam tersebar ke Melaka, di tempat ini masyarakat Islam membentuk suatu kerajaan Islam yang kuat sehingga setelah dari Melaka ini Islam tersebar ke Pulau Jawa, seterusnya dari Pulau Jawa ke bahagian timur Indonesia seperti Maluku, Sulawesi dan lain-lain.

Dapat disepakati bersama ialah Islam disebarkan dengang jalan damai tidak melalui misi khusus seperti agama-agama lain dan disebarkan oleh para

pedagang muslim dengan jalam damai, para juru dakwah yang datang dari Arab dan India dan lain-lain. Seterusnya penyebaran Islam ke Indonesia melalui berbagai-bagai aspek seperti perdagangan, politik, perkahwinan, tarekat (tasawuf) dan pendidikan, namun yang paling mendominasi dalam penyebaran Islam melalui perdagangan. Tidak kalah pentingnya juga, penyebaran Islam yang dilakukan melalui pendidikan, kerana dengan pendidikan masyarakat mengenali dan memahami ajaran-ajaran Islam. Selepas terbentuknya masyarakat Islam dengan berdirinya beberapa kerajaan, maka Islam semakin kukuh dan berkembang, sehingga penyebaran Islam sampai ke pelosok-pelosok daerah.

Pendidikan Islam pada asal mulanya dilaksanakan di tempat yang sangat sederhana seperti rumah, surau, masjid dan lain-lain. Begitu juga pendidikan Islam yang ada di Pulau Bawean. Bermulanya pendidikan Islam dari tempat-tempat yang sederhana ini berkembang menjadi sebuah institusi madrasah. Di Pulau Bawean sebagai pendorong kepada lahirnya pendidikan sistem madrasah ialah kerana adanya organisasi kemasyarakatan seperti Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Di samping itu, ikut berperanan masyarakat yang menuntut di Pulau Jawa. Tokoh-tokoh pendiri madrasah ini terdiri dari para pelajar yang menuntut ilmu di pondok dari Pulau Jawa, setelah pulang kekampung halaman mereka mendirikan tempat mengaji dan belajar tentang fardhu 'ain yang menjadi tradisi di pondok, dari tokoh-tokoh inilah terjadi perkembangan pembaharuan pendidikan Islam menuju kearah yang lebih baik .

Pendidikan Islam adalah pendidikan yang diasaskan pada al-Qur'an dan al-Sunnah. Tujuan dalam pendidikan Islam ialah untuk pembentukan kebaikan akhlak bagi setiap masyarakat, dengan akhlak yang baik seperti itu dapat menjalani kehidupan dengan aman dan tenteram sehingga tercapai kebahagiaan

hidup di dunia dan lebih-lebih lagi kehidupan yang kekal di akhirat. Pendidikan Islam pada mulanya dijalankan di tempat-tempat yang sangat sederhana seperti rumah, surau dan masjid dan pondok yang telah berproses menuju perubahan dari insititusi-institusi yang ada sebelum Islam. pendidikan Islam ini sangat bererti dalam penyampaian ajaran Islam dan sangat berperanan dalam penyebaran agama Islam, serta dapat mewujudkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat. Mulai dari tempat yang sangat sederhana seperti ini, pendidikan Islam berkembang terus maju sehingga menjadi sebuah institusi madrasah. Pada mula kebangkitan madrasah, pendidikan Islam hanya bersifat kedaerahan atau lokal, di mana di setiap daerah yang diasaskan oleh perseorangan atau organisasi kemasyarakatan dengan mendirikan sebuah institusi yang berbentuk madrasah dengan sistem yang berbeza-beza. Oleh itu, pada masa awal ini pendidikan Islam tidak ada keseragaman dan kesamaan dalam menentukan arah tujuan pendidikan yang lebih baik. Selanjutnya, dengan beredarnya masa dan berproses menuju kemajuan pendidikan Islam sudah menjadi bahagian dari sistem pendidikan nasional Indonesian baik secara institusi atau kurikulum.

Penyebaran Islam di Pulau Bawean melalui politik dan pendidikan. Pada mulanya agama Islam dibawa oleh perseorangan seperti Nyai Waliyah Zainab Diponggo, Makdum Ibrahim (Sunan Bonang) dan lain-lain, namun pada masa itu kurang mendapat sambutan dari masyarakat pulau tersebut. Jadi, Islam dikala itu hanya diketahui oleh orang-orang tertentu sahaja. Agama Islam tersebar secara merata setelah Maulana Umar Mas'ud datang ke pulau tersebut dan menjadi raja bagi rakyat pulau tersebut. Islam pertama sekali masuk ke Pulau Bawean tepatnya di daerah Komalasa. Penyebar-penyebar Islam yang datang ke Pulau Bawean berasal dari Tuban, Gresik dan Madura. Sejak Maulana Umar Mas'ud menjadi

raja penyebaran agama Islam semakin meningkat, bahkan Islam sudah menjadi agama masyarakat di pulau tersebut. Secara mayoritas masyarakat Pulau Bawean beragama Islam dan tempat-tempat ibadah yang ada merupakan tempat ibadah umat Islam. Hal ini selari dengan keberhasilan pendidikan Islam yang pada mulanya dilaksanakan di tempat-tempat yang sederhana seperti rumah, surau dan masjid, sistem pendidikan seperti ini dapat diikuti oleh setiap lapisan masyarakat.

Pendidikan Islam di Pulau Bawean mengalami peningkatan dan kemajuan setelah adanya campur tangan dari kerajaan Indonesia, mengalami peningkatan dalam erti kualiti pendidikan tersebut dan pendidikan Islam dapat setaraf dengan sekolah-sekolah umum. Secara institusi pendidikan Islam banyak ditubuhkan oleh masyarakat sendiri dan jumlahnya hampir menyamai dengan institusi pendidikan umum yang ditubuhkan kerajaan. Begitu juga, jumlah pelajar yang memilih institusi pendidikan Islam tidak jauh berbezada dengan jumlah pelajar yang ada di institusi pendidikan umum. Oleh itu, sememangnya institusi pendidikan Islam telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Pulau Bawean dan turut serta masyarakat untuk memajukannya sangat menggalakkan. Sambutan yang menggalakkan ini kerana adanya dorongan dan minat sama ada pelajar, ibu bapa atau penjaga telah mengambil keputusan untuk mengikuti pengajian dan menghantar anak-anak mereka belajar di institusi pendidikan Islam, serta mereka benar mempertaruhkan masa depan anak-anak mereka dengan memilih institusi ini sebagai tempat untuk menimba ilmu pengetahuan. Di samping itu, sekalipun pelajar-pelajar mengikut pengajian di institusi pendidikan Islam, prestasi pembelajaran mereka juga memuaskan, ditambah lagi dengan minat mereka terhadap subjek-subjek agama. Jelasnya, mereka yakin bahawa institusi pendidikan Islam juga mampu membentuk anak-anak mereka menjadi manusia

yang berilmu. Walaupun mendapati beberapa peratus pelajar yang menunjukkan kurang berminat untuk belajar di institusi ini namun ia tidak mengurangi pandangan dan hasil kajian ini kerana jumlahnya adalah terlalu kecil. Oleh kerana sambutan orang ramai atau masyarakat yang menggalakkan, sewajarnya institusi pendidikan Islam ini akan lebih maju dan berkembang pada masa akan datang.

Dari segi kemudahan prasarana institusi pendidikan Islam cukup lengkap sama halnya seperti institusi pendidikan umum. Di samping itu pelajar yang mengikuti pengajian di madrasah tidak kalah prestasi mereka seperti yang didapat di sekolah-sekolah umum, kesempatan di perguruan tinggi pun sama. Oleh demikian, masyarakat Pulau Bawean dalam memilih pendidikan tidak melihat kepada pendidikan Islam atau pendidikan umum. Namun demikian, masyarakat yang memilih pengajian di madrasah mendapat nilai tambah dengan mendapatkan pelajaran agama yang lebih banyak.

Jika institusi madrasah didirikan bersamaan dengan institusi pondok dalam satu pengelolaan, ia lebih cepat perkembangannya berbanding dengan madrasah yang tidak didirikan bersamaan dengan institusi pondok di dalamnya. Orientasi pendidikan masyarakat Pulau Bawean secara menyeluruh lebih berorientasi pada pendidikan umum. Namun demikian, pendidikan Islam masih sangat diminati oleh ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka, hal ini ada hubungkaitnya dengan masyarakat di pulau tersebut yang seratus peratus menganut agama Islam, di samping itu sekarang tidak ada perbezaan antara pendidikan madrasah dengan pendidikan umum dalam pendidikan nasional.

## **5.2 Saranan**

Pada bahagian ini, beberapa saranan dikemukakan oleh penyelidik untuk mengembangkan dan memajukan lagi institusi pendidikan Islam yang ada di

Pulau Bawean. Ini supaya institusi-institusi tersebut mampu bersaing dengan institusi pendidikan yang lain. Adapun beberapa saranan tersebut ialah:

*Pertama*, institusi pendidikan Islam tidak hanya harus mengejar hasil dalam pencapaian mata pelajaran sahaja, akan tetapi yang lebih penting membentuk pelajar-pelajar menjadi manusia yang taat dan berakhlak mulia. Pihak pentadbir institusi pendidikan harus memastikan mata pelajaran yang diajar khususnya mata pelajaran yang berhubungkait dengan keislaman berkesan dan menjadi nilai-nilai yang dipegang dalam kehidupan sehari-hari.

*Kedua*, meningkatkan kemudahan prasarana belajar, sehingga dengan peningkatan kemudahan prasarana ini menjadikan pelajar-pelajar lebih mempunyai motivasi untuk menumpukan kepada pembelajaran, para pelajar mesti dipupuk dengan semangat membaca di perpustakaan atau di mana sahaja. Ini boleh dilakukan dengan pendedahan kepada koleksi buku-buku yang berhubungkait dengan mata pelajaran, juga pendedahan kepada makmal komputer agar mampu bersaing dengan sekolah-sekolah lain dan tidak kaku berinteraksi dengan dunia luar setelah tamat pengajian.

*Ketiga*, sistem belajar-mengajar lebih ditingkatkan, di mana dalam hal ini semua pihak ikut bertanggungjawab sama ada orang tua, guru atau pihak sekolah dan pelajar sendiri. Kesemua unsur tersebut sangat penting untuk meningkatkan sistem belajar-mengajar di sebuah institusi, apabila ada salah satu di antara mereka yang kurang memberikan perhatian, maka sistem belajar-mengajar tidak akan berjalan dengan lancar dan maju. Dengan adanya sistem belajar-mengajar yang baik akan meningkatkan kedisiplinan bagi pelajar. Dengan disiplin yang tinggi akan memfokuskan pelajar-pelajar dalam menerima pelajaran dan guru dalam penyampaian mata pelajaran bagi pelajar.

Kajian lebih lanjut yang berhubungkait dengan pendidikan Islam di Pulau Bawean perlu dilakukan untuk memastikan institusi pendidikan Islam terus berkembang dan diminati masyarakat. Kajian-kajian yang dapat dilakukan ialah, *pertama*, penyelidikan terhadap sumbangan institusi pendidikan yang wujud di Pulau Bawean secara keseluruhan terhadap kemajuan Islam di pulau tersebut. *Kedua*, kajian terhadap tokoh-tokoh pendidikan Islam di Pulau Bawean dikalangan para ulama dan guru-guru yang telah banyak memberi sumbangan. *Ketiga*, penyelidikan peranan organisasi keagamaan yang ada di Pulau Bawean terhadap pembentukan masyarakat yang berakhlak dan bertamadun.